

**MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI RABU, 22 JUN 2022, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 1 (A55)**

Minta dinyatakan perancangan Kerajaan Negeri dalam isu penjadualan sampah seimbang dengan pertambahan data penduduk seperti di Daerah Batu Pahat.

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 2 (A17)**

Sedia maklum bahawa ada segelintir penerima bantuan JKM telah mengadu bahawa bantuan mereka telah dipotong tanpa makluman daripada pihak berkaitan. Bolehkah jelaskan mengapa hal ini boleh berlaku dan mengapa ada sesetengah penerima bantuan dipotong jumlah bantuannya?

**YB DATO' HJH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)
SOALAN 3 (A179)**

Apakah perancangan EXCO untuk menjadikan Johor pusat pengeluaran makanan ringan yang menjadi makanan utama Johor seperti sambal kicap/bawang goreng dalam membantu golongan wanita khususnya dalam bidang IKS?

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 4 (A71)**

Apakah perancangan agensi untuk mengatasi masalah capaian internet di pedalaman seperti di Kg Pasir Salam dan Kg Air Putih serta sekitarnya?

**YB TUAN HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 5 (A82)**

Apakah taraf pencapaian kerajaan berkaitan pembangunan infrastruktur teknologi maklumat meliputi kawasan kampung tradisi dan kawasan

perumahan dalam kawasan DUN Kota Iskandar yang masih terdapat kawasan yang kurang capaian internet berkualiti walau kawasan ini berada di dalam kawasan bandaraya?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 6 (A112)

Capaian internet di sekitar kawasan kampung amatlah mendukacitakan. Apakah tindakan dan langkah yang diambil bagi menangani isu capaian dan liputan Internet yang lemah ini khususnya di DUN Bukit Naning.

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN 7 (A152)

Apa usaha kerajaan untuk meningkatkan capaian internet dan capaian line telefon khususnya di sekitar kawasan pekan Parit Yaani?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)

SOALAN 8 (A110)

Isu kenaikan harga barangan keperluan harian melibatkan barang makanan sering menghantui pengguna terutama golongan kurang berkemampuan di luar bandar. Adakah kerajaan mempunyai sebarang cadangan khusus agar golongan ini dibantu secara bersasar dan mengelakkan sebarang ketirisan pihak yang boleh mengambil kesempatan?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 9 (A94)

Apakah status perkembangan pembinaan RTS di Johor?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 10 (A103)

Adakah terdapat rancangan untuk menyambungkan rangkaian ETS (Electric Train Services) dengan rangkaian RTS?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 11 (A21)

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam di Johor Bahru dalam tempoh empat tahun yang akan datang sebagai persediaan menanti siapnya Transit Rapid (RTS) yang menghubungkan Johor-Singapura pada tahun 2026.

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)

SOALAN 12 (A188)

Apakah status terkini pelantikan ketua masyarakat bagi Kampung Baru di seluruh negeri Johor?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)

SOALAN 13 (A5)

Sektor pertanian seperti penanaman durian di kawasan Jementah semakin berkembang, apakah inisiatif kerajaan terutama dari segi infrastruktur dalam membantu golongan petani ini? Apakah rancangan untuk memperkembangkan industri pemprosesan buah-buahan di kawasan ini?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 14 (A28)

Apakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membina lebih banyak rumah PPR bagi membantu golongan B40 memiliki kediaman khususnya di DUN Pasir Raja?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 15 (A36)

Adakah bilangan Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Sewa Kerajaan (RSK) mencukupi untuk memenuhi permintaan di negeri Johor khususnya sekitar kawasan membangun?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 16 (A37)

Adakah pihak Kerajaan Negeri Johor mempunyai sebarang perancangan khusus untuk membaikpulih dan menyelenggara rumah pangsa usang di negeri Johor sebagai melengkapi Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)

SOALAN 17 (A141)

Bagaimana sistem MeTOS dapat membantu industri pelancongan di Mersing khususnya island hopping dan bagaimana meningkatkan keselamatan pelancong serta setakat ini berapa pelancong yang berdaftar.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 18 (A56)

Minta dinyatakan usaha dan perancangan Kerajaan Negeri untuk memperkasa Gred Perjawatan bagi Guru Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor.

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 19 (A92)

Apakah usaha/rancangan jangka panjang atau pendek untuk meningkatkan kadar hari para pelancong berada atau melancong di Johor?

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)

SOALAN 20 (A11)

Berapakah peruntukkan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2021 bagi membantu golongan wanita khususnya suri rumah dan ibu tunggal dalam kategori B40 untuk meningkatkan ekonomi mereka melalui perniagaan kecil-kecilan. Apakah langkah dan rancangan yang ada untuk meningkatkan ekonomi mereka.

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)

SOALAN 21 (A148)

Apakah inisiatif yang dirangka oleh Kerajaan Negeri untuk membantu Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan usahawan tempatan untuk mendorong mereka menceburi keusahawanan berasaskan digital supaya mereka boleh bersaing dan mempersiapkan diri menuju Revolusi Industri 4.0?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)

SOALAN 22 (A6)

Apakah status Pelan Induk Pelaburan Negeri Johor 2030 (PIP NJ 2030) dimana pelan ini diisytiharkan pada mesyuarat pertama pada 22 Ogos 2021 bahawa akan disiapkan pada Oktober 2021.

YB DATO' HJH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)

SOALAN 23 (A178)

Banyak balai raya dan dewan serbaguna yang mencacatkan pandangan dan seperti gajah putih sedangkan bangunan ini adalah milik Pejabat Daerah dan PBT. Apakah langkah kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah ini?

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)

SOALAN 24 (A9)

Pekebun kecil dan pekebun kelapa sawit menghadapi tekanan peningkatan harga baja dan racun rumpai apabila beberapa kategori bantuan telah dimansuhkan selepas PRU 14. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan tersebut ketika menghadapi situasi sukar.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 25 (A63)

Sila nyatakan jumlah pesakit yang telah hadir ke Klinik Kesihatan Payamas Tangkak bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN 26 (A40)

Mengapakah permohonan Perumahan Mampu Biaya Johor di bawah Kuota Prihatin Rakyat memerlukan surat sokongan daripada ADUN/Ketua Bahagian Kawasan dan siapakah Ketua Bahagian Kawasan yang dimaksudkan?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 27 (A115)

Minta perincikan usaha yang sedang atau akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri berkenaan aspek pembangunan modal insan yang berkemahiran dan berpengetahuan untuk mencapai objektif Bandar Pintar Negeri Johor 2030?

YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)
SOALAN 28 (A125)

Apakah tindakan oleh Kerajaan Johor secara drastik untuk memudahcara Pengusaha-Pengusaha Ternakan Ayam dalam Negeri Johor agar terus produktif dan mengungguli terus perusahaan ternakan ayam dalam negara?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 29 (A48)

Dalam melancarkan sistem pentadbiran di peringkat kampung, saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya elaun Ketua Kampung dinaikkan selaras dengan jumlah gaji minimum sebanyak RM1,500.00. Hal ini kerana kita sedia maklum tugas Ketua Kampung adalah tugas yang berat.

YB DATO' HJH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)
SOALAN 30 (A175)

Di DUN Mahkota terdapat pembeli rumah yang telah hampir habis bayar tetapi geran tanah masih tidak diperolehi lagi. Mohon kerajaan negeri nyatakan apa masalah dan kenapa tak boleh diselesaikan?

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 31 (A57)

Penanaman batu sempadan oleh pihak JUPEM tidak dapat dilaksanakan atas sebab kekurangan bajet, mohon pencerahan sedangkan pemohon telah membayar kerja pemasangan batu semasa membuat pembayaran premium.

4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

----- (PERBAHASAN) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Khamis, 23 Jun 2022, jam 9.30 pagi.